

## JAWATAN KOSONG



### MAJLIS DAERAH PADANG TERAP

Permohonan-permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia untuk memenuhi jawatan seperti berikut:-

NAMA JAWATAN	PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG
--------------	--------------------------------

Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan	:	MAJLIS DAERAH PADANG TERAP
Kumpulan Perkhidmatan	:	PELAKSANA
Klasifikasi Perkhidmatan	:	PERKHIDMATAN PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN
Gred Jawatan	:	L2-1
Jumlah Kekosongan	:	SATU (1)
Jadual Gaji	:	T1: RM 1555.00 – T20: RM 4330.00
Jabatan	:	PENGURUSAN
Taraf Jawatan	:	TETAP

#### SYARAT-SYARAT LANTIKAN

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - Diploma dalam bidang undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred L2-1: T1).
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Undang-undang) dan Jurubahasa adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Undang-undang Gred L2-1, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
  - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 di atas; atau
  - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
  - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

### **DESKRIPSI TUGAS**

1. Menggubal Undang-undang baru dan membuat pindaan ke atas Akta yang sedia ada.
2. Menimbang kertas siasatan dan menjalankan pendakwaan di Mahkamah.
3. Memberi nasihat perundangan kepada Jabatan termasuk menyemak perjanjian yang melibatkan kepentingan Kerajaan.
4. Mengendalikan kes-kes sivil yang melibatkan Jabatan secara rundingan atau tindakan Mahkamah.
5. Menghadiri kes-kes di mahkamah berkaitan Jabatan sebagai wakil di bawah Aturan 15 – Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan Seksyen 39 dan 83 Akta Probet dan Pentadbiran 1959.

<b>NAMA JAWATAN</b>	<b>PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT</b>
---------------------	--

Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan	:	MAJLIS DAERAH PADANG TERAP
Kumpulan Perkhidmatan	:	PELAKSANA
Klasifikasi Perkhidmatan	:	PERKHIDMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
Gred Jawatan	:	F2-1
Jumlah Kekosongan	:	SATU (1)
Jadual Gaji	:	T1: RM1565.00 – T20: RM 4340.00
Jabatan	:	KHIDMAT PENGURUSAN
Taraf Jawatan	:	TETAP

### SYARAT-SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) Diploma dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred F2-1: T1); atau
  - (b) Diploma dalam bidang kejuruteraan elektronik (komputer) atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred F2-1:T1)
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik Komputer adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F2-1, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
  - (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1 di atas; atau
  - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

## DESKRIPSI TUGAS

1. Menyelenggara perisian sistem yang digunakan di Majelis supaya berada dalam keadaan baik.
2. Merancang implimentasi sistem aplikasi dengan pengguna.
3. Menyelenggara server, komputer, workstation dan perkakasan komputer yang terdapat di Majelis.
4. Membina laman web dan intranet Majelis.

<b>NAMA JAWATAN</b>	<b>PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)</b>
---------------------	--

Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan	:	MAJLIS DAERAH PADANG TERAP
Kumpulan Perkhidmatan	:	PELAKSANA
Klasifikasi Perkhidmatan	:	PERKHIDMATAN PENTADBIRAN
Gred Jawatan	:	N4-1
Jumlah Kekosongan	:	ENAM (6)
Jadual Gaji	:	T1: RM 955.00 – T20: RM 2780.00
Jabatan	:	PELBAGAI JABATAN
Taraf Jawatan	:	TETAP

### SYARAT-SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N4-1: T1).

[Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer]

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Bentara Parlimen dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N4-1, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
  - (a)
    - (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 di atas; atau
    - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
  - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

### DESKRIPSI TUGAS

Menjalankan tugas-tugas perkeranian selaras dengan fungsi tugas Jabatan/Bahagian yang berkenaan seperti tugas-tugas penyelenggaraan fail/dokumen, pengiraan, penyediaan laporan bulanan, statistic serta penyediaan.

NAMA JAWATAN	PEMBANTU AWAM
--------------	---------------

Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan	:	MAJLIS DAERAH PADANG TERAP
Kumpulan Perkhidmatan	:	PELAKSANA
Klasifikasi Perkhidmatan	:	PERKHIDMATAN KEMAHIRAN
Gred Jawatan	:	H5-1
Jumlah Kekosongan	:	LAPAN (8)
Jadual Gaji	:	T1: RM 850.00 – T20: RM 2390.00
Jabatan	:	KESIHATAN PERSEKITARAN
Taraf Jawatan	:	TETAP

### SYARAT-SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred H5-1: T1);atau
  - (b) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan mempunyai Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred H5-1: T1); atau
  - (c) *Mate On Ships Of Less Than 500 GT On Domestic Trade Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred H5-1: T2).
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja berkaitan kebersihan parit, pemotongan rumput dan lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

NAMA JAWATAN	PEMBANTU OPERASI
--------------	------------------

Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan	:	MAJLIS DAERAH PADANG TERAP
Kumpulan Perkhidmatan	:	PELAKSANA
Klasifikasi Perkhidmatan	:	PERKHIDMATAN PENTADBIRAN
Gred Jawatan	:	N5-1
Jumlah Kekosongan	:	SATU (1)
Jadual Gaji	:	T1: RM 850.00 – T20: RM 2390.00
Jabatan	:	KHIDMAT PENGURUSAN
Taraf Jawatan	:	TETAP

### SYARAT-SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
  - (b) Lesen memandu Kelas B/B1/B2/D/E/E1/E2/F/G/H/I berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendalikan, dan menyenggara kenderaan berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N5-1: T1)
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### DESKRIPSI TUGAS

Membawa kenderaan jabatan untuk tugas-tugas rasmi dan lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

NAMA JAWATAN	JURUTEKNIK
--------------	------------

Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan	:	MAJLIS DAERAH PADANG TERAP
Kumpulan Perkhidmatan	:	PELAKSANA
Klasifikasi Perkhidmatan	:	PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
Gred Jawatan	:	JA3-1
Jumlah Kekosongan	:	SATU (1)
Jadual Gaji	:	T1: RM 1410.00 – T20: RM 4185.00
Jabatan	:	KEJURUTERAAN
Taraf Jawatan	:	TETAP

### SYARAT-SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) Sijil dalam bidang kejuruteraan, seni bina, atau ukur bahan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA3-1: T1)
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik dan Pembantu Kemahiran adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Juruteknik Gred JA3-1, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
  - (a)
    - (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 di atas; atau
    - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
  - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

### DESKRIPSI TUGAS

1. Membuat pemeriksaan dan laporan setiap projek.
2. Membuat spesifikasi dan anggaran projek.
3. Memantau projek-projek pembangunan.
4. Membuat semakan ke atas pelan permohonan awam dan kiraan hasil pelan.

<b>NAMA JAWATAN</b>	<b>JURUTEKNIK PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH</b>
---------------------	--

Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan	:	MAJLIS DAERAH PADANG TERAP
Kumpulan Perkhidmatan	:	PELAKSANA
Klasifikasi Perkhidmatan	:	PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
Gred Jawatan	:	JA3-1
Jumlah Kekosongan	:	SATU (1)
Jadual Gaji	:	T1: RM 1410.00 – T20: RM 4185.00
Jabatan	:	PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN
Taraf Jawatan	:	TETAP

### SYARAT-SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) Sijil dalam bidang perancangan bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi atau politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA3-1: T1)
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### DESKRIPSI TUGAS

1. Menjalankan kajian tapak dan kegunaan tanah.
2. Membuat siasatan tapak dan laporan bagi proses kawalan perancangan.
3. Membantu menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan perancangan mengikut Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172).
- 4.

<b>NAMA JAWATAN</b>	<b>PEMBANTU KESIHATAN AWAM</b>
---------------------	--------------------------------

Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan	:	MAJLIS DAERAH PADANG TERAP
Kumpulan Perkhidmatan	:	PELAKSANA
Klasifikasi Perkhidmatan	:	PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
Gred Jawatan	:	U4-1
Jumlah Kekosongan	:	SATU (1)
Jadual Gaji	:	T1: RM 980.00 T20: RM 2805.00
Jabatan	:	KESIHATAN DAN PERSEKITARAN
Taraf Jawatan	:	TETAP

**SYARAT-SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred U4-1: T1); atau
  - (b) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred U4-1: T2).
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Operasi dan Pembantu Perawatan Kesihatan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U4-1, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
  - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 di atas dan ; atau  
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
  - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan

**DESKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab membantu dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan, kawalan penyakit dan pemeriksaan premis.

NAMA JAWATAN	PEMBANTU PENGUATKUASA
--------------	-----------------------

Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan	:	MAJLIS DAERAH PADANG TERAP
Kumpulan Perkhidmatan	:	PELAKSANA
Klasifikasi Perkhidmatan	:	PERKHIDMATAN PENTADBIRAN
Gred Jawatan	:	N4-1
Jumlah Kekosongan	:	EMPAT (4)
Jadual Gaji	:	T1: RM 955.00 T20: RM 2780.00
Jabatan	:	PENGUATKUASAAN
Taraf Jawatan	:	TETAP

### SYARAT-SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N4-1: T1); atau
  - (ii) Bekas anggota Polis Diraja Malaysia atau Angkatan Tentera Malaysia yang berpangkat sekurang-kurangnya Koperal dan ke atas dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N4-1: T1).
  - (b) Memenuhi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:-
    - i. tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
    - ii. mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
    - iii. berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

- iv. mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
  - v. lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
  - vi. pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - vii. diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.
- dan (c) Lulus ujian yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan dari semasa ke semasa.
2. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(a)(i) hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### **DESKRIPSI TUGAS**

1. Menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan undang-undang di Majlis.
2. Membuat pemantauan luar dan dalam kawasan selenggaraan Majlis.
3. Pemantauan serta pemeriksaan kebersihan alam sekitar.
4. Menyelaras dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan sektor kebersihan dan alam sekitar.
5. Pemeriksaan dan pemantauan ke atas pembinaan-pembinaan kawasan Majlis.
6. Menganggotai operasi yang dijalankan oleh Majlis.

## CARA MEMOHON

- 1) Semua borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman Portal MDPTK <http://www.mdptk.gov.my>
- 2) Permohonan daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab 'A' 21 dan pastikan Laporan Prestasi tahunan terkini disertakan.
  - a) 2 keping gambar berukuran passport
  - b) Salinan Sijil Kelahiran
  - c) Salinan Kad Pengenalan
  - d) Salinan Sijil Peperiksaan
  - e) Lain-lain Sijil yang berkaitan
- 4) Setiap salinan dokumen di atas hendaklah diakui sah.
- 5) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 25 sm x 32 sm. Di sudut atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis jawatan yang dipohon dan disertakan bayaran wang pos RM 2.00.
- 6) Permohonan yang tidak lengkap, tidak jelas dan tidak mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan akan **DITOLAK**. Permohonan hendaklah sampai di alamat seperti berikut:-

**YANG DIPERTUA,  
MAJLIS DAERAH PADANG TERAP,  
06300 KUALA NERANG,  
KEDAH DARUL AMAN.**

- 7) Tarikh Tutup Permohonan : **15 MAC 2012**